

DATE: 17/10 / 2008

Mahathir jadi perancang?

Oleh ZULKIFLEE BAKAR
(WARTAWAN UTUSAN)

"SAYA tidak fikir anda perlu dalam apa cara pun keliru kerana anda lihat kami bersama (dengan Mahathir). Pada hakikatnya kami bertemu dalam sesetengah majlis tidak bermakna ada perkembangan besar berlaku."

Itulah kenyataan Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika menafikan cakap-cakap bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamed adalah perancang utama meningkatkan populariti Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai pemimpin masa depan negara.

Analisis-analisis dangkal berhubung perkara ini mungkin wujud akibat daripada kelantangan Dr. Mahathir yang sebelum ini berkali-kali mendesak Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berundur dan digantikan oleh Najib.

Tetapi desakan seumpama itu tidaklah bermaksud beliau mempunyai kata pemutus atau muktamad. Segala-galanya diserahkan kepada kepimpinan negara dan parti untuk menentukan. Malah lebih penting apakah kehendak akar umbi UMNO.

Justeru untuk mengaitkan Dr. Mahathir sebagai perancang atau menjadi penentu meningkatkan populariti Najib bukan sahaja tidak wajar malah hanya dilakukan oleh kelompok yang mempunyai kepentingan peribadi.

Mengulas perkara ini, penganalisis politik Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak menganggap tafsiran sedemikian dilakukan oleh mereka yang masih lagi berada dalam sindrom penafian dan tidak mahu melihat realiti politik.

Katanya, realiti politik menunjukkan bahawa UMNO memerlukan perubahan kepimpinan dan ia bukan sahaja disuarakan oleh Dr. Mahathir malah sebahagian besar pemimpin, ahli dan penyokong UMNO juga mempunyai pandangan yang sama.

"Justeru kalau perubahan berlaku, ini bukan bermakna Dr. Mahathir yang menjadi perancang atau penentu kepada peningkatan populariti sesiapa, sebaliknya ia selaras dengan kehendak banyak pihak," katanya.

Malah dari satu segi, barisan kepimpinan dan ahli UMNO tidaklah sebodoh mana untuk mengikut telunjuk sesiapa bagi me-

Realiti politik menunjukkan bahawa UMNO memerlukan perubahan kepimpinan dan ia bukan sahaja disuarakan oleh Dr. Mahathir malah sebahagian besar pemimpin, ahli dan penyokong UMNO juga mempunyai pandangan yang sama

mentukan calon yang harus menjadi pemimpin utama mereka.

Berdasarkan fakta itu juga, Dr. Mohamed Mustafa menyanggah pandangan bahawa Najib akan mengembirakan Mahathirisme dalam pentadbirannya.

"Najib mempunyai kekuatan dan kelebihannya sendiri. Beliau cukup terlatih dan sudah banyak terdedah dalam politik dan pemerintahan negara. Dengan itu Najib tidak perlu menjadi jelmaan orang lain untuk berjaya sebagai pemimpin UMNO dan Perdana Menteri," katanya ketika dihubungi.

Kenyataan Dr. Mohamed Mustafa ini selari dengan ulasan Muhyiddin yang menegaskan, Dr. Mahathir masih lagi dihormati sebagai negarawan veteran Malaysia tetapi sejauh mana beliau telah mempengaruhi dalam aspek pentadbiran, ia adalah sesuatu yang Najib sepatutnya mampu untuk uruskan.

Apa pun keadaannya, isu mengenai siapa perancang dan akan kembalinya Mahathirisme apabila Najib memimpin seharusnya dihapuskan dalam benak fikiran semua pihak.

Najib hanya akan mengambil alih kepimpinan negara pada bulan Mac. Najib sudah berpuluh-puluh tahun dalam Kabinet dan merupakan salah seorang pemimpin UMNO yang disegani.

Justeru tidak wajar jika ada mana-mana pihak cuba memperkecilkan kewibawaan Najib dengan menganggap beliau akan mengikut telunjuk sesiapa dalam kepimpinannya.

"Mungkin dalam pentadbiran Najib nanti akan ada satu dua perkara yang ada persamaan dengan pentadbiran terdahulu tetapi ia adalah secara kebetulan. Saya yakin Najib tidak akan membiarkan dirinya dianggap menjadi 'jelmaan sesiapa,'" kata Dr. Mohamed Mustafa.

Kita tidak boleh menolak andaian bahawa kewujudan persepsi bahawa Dr. Mahathir menjadi perancang adalah hasil kebimbangan pihak pembangkang yang mu-

lai khuatir dengan perubahan yang dilakukan oleh UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Selain itu, apa yang mendukacitakan ialah ada usaha untuk memperkecilkan kewibawaan ahli-ahli UMNO menentukan kepimpinan mereka apabila pencalonan yang diperolehi oleh Najib dan Muhyiddin dalam mesyuarat bahagian yang sedang berlangsung sekarang turut dikaitkan dengan peranan Dr. Mahathir.

Tafsiran itu berlaku kerana bekas Perdana Menteri secara terbuka di Melbourne melahirkan keyakinan bahawa gandingan Najib dan Muhyiddin mampu mentadbir negara dengan baik.

Tetapi kita tidak seharusnya melupakan fakta bahawa Dr. Mahathir membuat kenyataan itu selepas melihat bahagian-bahagian UMNO memberi pencalonan yang tinggi kepada kedua-dua mereka.

"Melalui pencalonan, Dr. Mahathir melihat akar umbi mahukan gandingan Najib-Muhyiddin. Justeru beliau akur dengan kehendak berkenaan dan melontar sokongan, apakah ini boleh dianggap sebagai perancang?" kata seorang pemimpin UMNO yang rapat dengan Dr. Mahathir.

Kita tidak boleh menolak andaian bahawa kewujudan persepsi bahawa Dr. Mahathir menjadi perancang adalah hasil kebimbangan pihak pembangkang yang mulai khuatir dengan perubahan yang dilakukan oleh UMNO dan Barisan Nasional (BN)

Oleh itu tindakan mendakwa kononnya Dr. Mahathir menjadi perancang kepada pencalonan Najib dan Muhyiddin bukan sahaja tidak wajar malah seolah-olah memperkecilkan kemampuan ahli-ahli UMNO untuk berfikir bagi menentukan siapa pemimpin yang mereka mahu.

Begitu juga kalau mereka memberi pencalonan kepada dua lagi calon Timbalan Presiden iaitu Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib ia seharusnya dihormati.

Dalam membuat keputusan berkenaan, ahli-ahli UMNO sudah mengkaji segala aspek mengenai seseorang calon yang bertanding dan memikirkan sedalam-dalamnya siapakah yang selayaknya untuk bergandingan bagi menerajui parti dan kerajaan.

Dalam soal ini Dr. Mohamed Mustafa berkata, beliau tidak fikir ada sesiapa pun yang menjadi perancang kerana Najib dan Muhyiddin mempunyai kewibawaan tersendiri.

"Atas dasar inilah mereka dipilih oleh akar umbi. Mungkin ahli UMNO melihat mereka adalah pemimpin generasi baru tetapi telah dibentuk dalam satu tradisi dan proses kematangan politik yang cukup untuk meneruskan perjuangan UMNO serta kepimpinan negara," katanya.

Apa yang perlu difahami berbanding pemilihan-pemilihan yang lalu, pencalonan kali ini bukannya diputuskan melalui sebulat suara - ertinya kepimpinan bahagian yang membuat keputusan dan ahli-ahlinya mengikut, sebaliknya ia diputuskan melalui pengundian terbuka termasuk mengangkat tangan.

Keputusan cara demikian sudah pastilah memberi isyarat yang jelas bahawa siapa pun yang mereka pilih itulah kehendak akar umbi dan bukannya ditentukan oleh mana-mana pemimpin.

"Takkan Dr. Mahathir hendak menghabiskan masa turun ke bahagian-bahagian untuk meminta calon-calon tertentu disokong. Terima sahaja hakikat bahawa ini keputusan akar umbi tidak kira siapa juga yang mereka pilih," kata seorang pembantu kepada calon yang bertanding.

Sebagai seorang negarawan sudah pastilah pandangan Dr. Mahathir sedikit sebanyak akan didengari dan diambil kira tetapi dalam masa yang sama kehendak akar umbi termasuk penyokong parti turut menjadi perkiraan utama.